



## **Dagangan tidak menentu di Bursa Malaysia dijangka berterusan ke minggu hadapan**

KUALA LUMPUR, 11 Dis -- Dagangan tidak menentu yang kian ketara di Bursa Malaysia susulan kemunculan varian Omicron dijangka berterusan ke minggu hadapan, kata Naib Presiden penyelidikan ekuiti Rakuten Trade Sdn Bhd Thong Pak Leng.

Justeru, beliau berpendapat indeks penanda aras FBM KLCI mungkin tidak akan menyaksikan sebarang pergerakan besar dan mengunjurkan ia diniagakan dalam julat antara 1,490-1,500.

"Dari sudut teknikal, kita akan melihat paras sokongan serta-merta pada 1,485 manakala rintangan 1,515," katanya kepada Bernama.

Thong berkata pelabur juga akan mengambil sikap tunggu dan lihat terutama menjelang pengumuman data inflasi Amerika Syarikat yang mungkin mempengaruhi keputusan Rizab Persekutuan bilakah rangsangan ekonomi akan dilancarkan semula.

Mesyuarat Jawatankuasa Pasaran Terbuka Persekutuan AS akan diadakan pada hari Rabu.

European Central Bank, Bank of England, Bank of Japan dan People's Bank of China juga akan mengadakan mesyuarat masing-masing pada minggu berkenaan.

Sementara itu di dalam negara, aktiviti memperelok akaun hujung tahun dijangka muncul minggu depan.

Secara keseluruhannya, pasaran bergerak bercampur-campur sebelum mengakhiri minggu pada nada yang lebih negatif. Ia mencecah paras rendah dalam tempoh 13 bulan pada Isnin berikutnya kebimbangan potensi impak Omicron terhadap pemulihan ekonomi global.

Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia, varian Omicron koronovirus kini terdapat di 57 negara dan ini menyebabkan lebih banyak negara mengenakan sekatan pergerakan yang lebih ketat untuk menekan penularan.

Sentimen turut terjejas oleh krisis hutang Evergrande yang secara rasmi diisyiharkan sebagai pemungkiran pada hari Khamis.

Dalam pada itu, menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPI) Malaysia meningkat kepada 5.5 peratus pada Oktober 2021, didorong oleh indeks pembuatan yang menyaksikan peningkatan 8.0 peratus pada bulan berkenaan.

Jualan borong dan runcit pula kembali ke paras tertinggi, melantun 5.4 peratus tahun ke tahun kepada RM116.4 bilion sementara nilai jualan pembuatan Malaysia mengukuh 15.3 peratus kepada RM140.7 bilion pada Oktober 2021 daripada bulan yang sama pada 2020.

Berdasarkan perbandingan urus niaga mingguan Jumaat - Khamis, indeks penanda aras susut 12.86 mata untuk mengakhiri minggu ini pada 1,488.88 daripada 1,501.74 sebelumnya.

Di papan indeks, Indeks FBM Emas merosot 79.12 mata kepada 10,859.79, Indeks FBMT100 turun 84.18 mata kepada 10,561.57, Indeks FBM Emas Syariah menguncup 200.65 mata kepada 11,714.25, FBM 70 merosot 84.00 mata kepada 14,046.03 manakala FBM ACE lemah 185.26 mata kepada 6,228.32.

Mengikut sektor, Indeks Perkhidmatan Kewangan meraih 133.22 mata kepada 15,109.33, Indeks Produk dan Perkhidmatan Perindustrian mengembang 0.33 mata kepada 193.3, tetapi Indeks Tenaga jatuh 15.00 mata kepada 677.49.

Indeks Penjagaan Kesihatan menyusut 191.44 mata kepada 2,173.35, Indeks Teknologi turun 0.73 mata kepada 95.19 dan Indeks Perladangan susut 8.92 mata kepada 6,466.49.

Jumlah dagangan mingguan mengecil kepada 17.03 bilion unit bernilai RM10.20 bilion berbanding 19.19 bilion unit bernilai RM18.98 bilion pada minggu sebelumnya.

Jumlah dagangan Pasaran Utama susut kepada 9.45 bilion saham bernilai RM8.92 bilion daripada 12.04 bilion saham bernilai RM17.06 pada minggu sebelumnya.

Jumlah dagangan waran, bagaimanapun meningkat sedikit kepada 1.50 bilion unit bernilai RM242.27 juta berbanding 1.49 bilion unit bernilai RM215.84 juta sebelum ini.

Jumlah dagangan Pasaran ACE merosot kepada 5.47 bilion saham bernilai RM1.03 bilion berbanding 5.63 bilion saham bernilai RM1.70 bilion pada minggu sebelumnya.

-- BERNAMA

<https://www.bernama.com/bm/pasaran/news.php?id=2032490>